

# 4,905 kes keganasan rumah tangga sejak Ogos

Sinar HARIAN (06/10/2021) MS FOTO:BERNAMA

Majoriti kes yang dilaporkan adalah membabitkan wanita

Oleh NURUL HUDA HUSAIN & MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID

KUALA LUMPUR

**K**ementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merekodkan sebanyak 4,905 kes keganasan rumah tangga sejak Januari hingga Ogos tahun ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff berkata, majoriti kes yang dilaporkan adalah membabitkan wanita.

Selain itu menurutnya, statistik sepanjang tahun lalu merekodkan sebanyak 5,260 kes sekali gus angka dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini dilihat membimbangkan.

“Kebanyakan kes juga tidak dilaporkan, mungkin kerana kurangnya kesedaran undang-undang dan hak mereka bagi mendapatkan perlindungan.

“Perkara ini sedang dalam tindakan, kita mengharapkan kes-kes seumpama ini jika berlaku minta terus dilaporkan kepada pihak berkuasa,” katanya dalam sidang akhbar di Parlimen pada Selasa.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Siti Zailah yang juga Ahli Parlimen Rantau Panjang turut memaklumkan sebanyak 638



Siti Zailah ketika mengadakan sidang media selepas menghadiri Persidangan Dewan Negara, di Bangunan Parlimen, pada Selasa.

**Harap kes-kes seumpama ini diminta dilaporkan kepada pihak berkuasa.”**

kes bunuh diri dilaporkan kepada polis sejak Januari hingga Julai tahun ini.

Katanya, jumlah itu menunjukkan peningkatan drastik jika dibandingkan dengan tempoh sama pada tahun lalu iaitu hanya 262 kes.

“Kita mendapati punca kepada kejadian ini adalah ekoran tekanan mental,” katanya.

Beliau berkata, selaras dengan usaha untuk membendung perbuatan membunuh diri, kementeriannya tampil dengan inisiatif mewujudkan sukarelawan Skwad Waja di seluruh negara bermula 8 Mac lalu sempena

sambutan Hari Wanita.

Jelasnya, setakat ini, seramai 4,994 sukarelawan telah dilatih meliputi seluruh negeri menerusi program tersebut.

“Dengan adanya Skwad Waja, lebih 600 kes dikenalpasti berkaitan dengan isu psikologi, kesihatan mental, *work life balance*, isu keganasan dan perundangan.

“Jadi, kami ingin menyeru lebih ramai mendaftar sebagai sukarelawan dan sasaran kita adalah sekurang-kurangnya 100,000 keahlian menjelang akhir tahun ini,” katanya.

Menurutnya, orang ramai yang berminat mengetahui lebih lanjut mengenai sukarelawan itu boleh menghubungi Pejabat Pembangunan Wanita negeri atau mendaftar di pa-tutan <https://www.rebrand.ly/pendaftaranskuadWAJA> @ <https://www.jpw.gov.my/>.